



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
MENARA PERKESO, 281 JALAN AMPANG  
50538 KUALA LUMPUR  
TEL.AM 03-42645000 CALL CENTRE: 03-42575755**

## **PEKELILING MAJIKAN NO. 1 TAHUN 2013**

**PERLUASAN LIPUTAN PEKERJA DI BAWAH SKIM PENCEN ILAT DENGAN MENAIKKAN  
HAD UMUR PEKERJA DARIPADA MENCAPAI LIMA PULUH LIMA TAHUN  
KEPADA MENCAPAI ENAM PULUH TAHUN**

### **1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memperjelaskan tentang had kelayakan umur pekerja mula mencarum di bawah Skim Pencen Ilat telah dinaikkan daripada sebelum mencapai umur 50 tahun kepada sebelum mencapai umur 55 tahun serta terhenti kelayakannya apabila umur pekerja mencapai umur 60 tahun selaras dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012.

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) komited untuk memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungan mereka menerusi skim-skim keselamatan sosial iaitu Skim Insurans

Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat serta memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan demi meningkatkan kesejahteraan sosial pekerja.

- 2.2 Skim Insurans Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada orang berinsurans daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa perjalanan berkaitan pekerjaan. Perlindungan di bawah skim ini diberikan kepada pekerja tanpa had umur selagi mana pekerja terus dalam perkhidmatan dan mencarum dengan PERKESO.
- 2.3 Skim Pencen Ilat pula memberi perlindungan 24 jam terhadap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab. Perlindungan diberikan hanya kepada pekerja yang layak sehingga mencapai umur 55 tahun.
- 2.4 Kelayakan mencarum pekerja **sebelum** Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012 dikuatkuasa adalah seperti berikut :

2.4.1 Jenis Pertama (Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat)

- (i) Untuk pekerja yang belum mencapai umur 55 tahun.
- (ii) Jumlah caruman dibayar adalah daripada syer majikan dan syer pekerja.

2.4.2 Jenis Kedua (Skim Insurans Bencana Pekerjaan)

- (i) Untuk pekerja yang telah mencapai umur 55 tahun dan masih bekerja; atau
- (ii) Untuk pekerja yang telah mencapai umur 50 tahun dan tiada apa-apa caruman dibayar sebelum pekerja tersebut mencapai umur 50 tahun; atau
- (iii) Untuk orang berinsurans yang menerima pencen ilat yang masih bekerja dan mendapat kurang daripada 1/3 gaji bulanan purata sebelum mengidap keilatan; dan
- (iv) Jumlah caruman dibayar adalah daripada syer majikan sahaja.

### **3. AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2012**

- 3.1 PERKESO sentiasa memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan menerusi perkhidmatan yang disediakan.
- 3.2 Bagi menyelaraskan liputan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dengan dasar kerajaan yang menetapkan umur persaraan minimum 60 tahun di bawah Akta Umur Persaraan Minimum 2012 yang telah diwartakan pada 16 Ogos 2012, Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 telah dipinda di mana had kelayakan umur pekerja mula mencarum di bawah Skim Pencen Ilat telah dinaikkan daripada sebelum mencapai umur 50 tahun

kepada sebelum mencapai umur 55 tahun serta terhenti kelayakannya apabila umur pekerja mencapai umur 60 tahun.

3.3 Pindaan Akta ini tidak melibatkan sebarang perubahan pada kadar caruman majikan dan pekerja yang berkuatkuasa sebelum ini seperti di Lampiran A.

3.4 Y.B Menteri Sumber Manusia melalui Warta penetapan tarikh kuatkuasa Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012 P.U. (B) 424/2012 telah menetapkan Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 (Pindaan) 2012 berkuatkuasa pada **1 JANUARI 2013**.


#### **4. HAD KELAYAKAN UMUR MENCARUM DI BAWAH AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2012**

4.1 Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012 telah menetapkan bahawa had kelayakan umur pekerja mula mencarum di bawah Skim Pencen Ilat telah dinaikkan daripada sebelum mencapai umur 50 tahun kepada sebelum mencapai umur 55 tahun serta terhenti kelayakannya apabila umur pekerja mencapai umur 60 tahun.


4.2 Had kelayakan umur mencarum di bawah Skim Pencen Ilat telah dipinda berdasarkan kepada kelayakan liputan mencarum bagi pekerja yang layak seperti berikut :

4.2.1 Pekerja yang mula-mula mencarum di bawah caruman Jenis Pertama dan masih bekerja tetapi belum mencapai umur 55

tahun semasa kuatkuasa pindaan Akta ini hendaklah terus mencarum di bawah caruman jenis tersebut. Sekiranya pekerja tersebut masih bekerja sehingga mencapai umur 60 tahun, pekerja hendaklah dicarumkan di bawah caruman Jenis Kedua.




4.2.2 Pekerja yang mula-mula mencarum di bawah caruman Jenis Pertama dan mencarum di bawah caruman Jenis Kedua ketika mencapai umur 55 tahun, sekiranya pekerja masih bekerja dan belum mencapai umur 60 tahun semasa kuatkuasa pindaan Akta ini hendaklah mencarum caruman Jenis Pertama. Sekiranya pekerja masih bekerja sehingga mencapai umur 60 tahun, pekerja tersebut hendaklah dicarumkan di bawah caruman Jenis Kedua.




4.2.3 Pekerja yang mula-mula mencarum di bawah caruman Jenis Kedua dan masih bekerja tetapi belum mencapai umur 55 tahun semasa kuatkuasa pindaan Akta ini hendaklah


mencarum caruman Jenis Pertama. Sekiranya pekerja masih bekerja sehingga mencapai umur 60 tahun, pekerja tersebut hendaklah dicarumkan di bawah caruman Jenis Kedua.



4.2.4 Pekerja yang mula-mula mencarum di bawah caruman Jenis Kedua dan masih bekerja tetapi telah mencapai umur 55 tahun semasa kuatkuasa pindaan Akta ini hendaklah terus mencarum caruman Jenis Kedua.



4.2.5 Pekerja yang baru masuk dalam perkhidmatan yang mencapai umur 55 tahun semasa kuatkuasa pindaan Akta ini dan tidak pernah mencarum di bawah mana-mana jenis caruman hendaklah dicarumkan di bawah caruman Jenis Kedua.



Petunjuk : CJ2 – Caruman Jenis Kedua

## 5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

- 5.1 Setiap majikan adalah diminta untuk menyemak semula kelayakan mencarum pekerja mereka untuk memastikan caruman yang dibayar adalah betul dan tepat mengikut kadar dan jenis caruman yang telah ditetapkan selaras dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012 mengikut kelayakan liputan mencarum bagi pekerja seperti yang dinyatakan di perenggan 4 di atas.
- 5.2 Majikan perlu membayar caruman bulanan bagi setiap pekerja yang layak mengikut jenis dan kadar caruman mengikut skala gaji iaitu Jenis Caruman Pertama (Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat) atau Jenis Caruman Kedua (Skim Insurans Bencana Pekerjaan sahaja) yang telah ditetapkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969.

## 6. KEMUSYKILAN

6.1 Sekiranya majikan memerlukan penjelasan lanjut mengenai pekeliling ini, sila hubungi pejabat PERKESO yang berhampiran ataupun menghubungi Call Centre PERKESO di talian 03 -42575755.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



( DATUK K.SELVARAJAH )

Ketua Eksekutif

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

Tarikh : 10 Januari 2013

Rujukan : PKS./208/157/4(12 )